



**Prof Mohd Harun bersama dengan Kontinjen UMS di IENA, Jerman, baru-baru ini.**

# UMS cemerlang di Jerman

BH 27 12 2012 V7

**Universiti** Malaysia Sabah (UMS) meneruskan kecemerlangan dalam bidang penyelidikan dengan meraih tiga pingat emas, tiga perak dan satu gangsa dalam International Trade Fair Ideas Inventions New Product (IENA) di Nuremberg, Jerman, baru-baru ini.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, berkata pencapaian membanggakan itu membuktikan hasil penyelidikan UMS bertaraf antarabangsa.

"Semua tujuh produk penyelidikan dipertanding meraih pingat dan ini pencapaian luar biasa kerana kita bersaing dengan ramai

penyelidik daripada universiti terkemuka dunia" katanya.

## **Pengering rumpai laut**

Pingat emas UMS disumbangkan Prof Madya Dr Suhami Mohd Yasir menerusi inovasi 'Green House Concept of Solar Drier for Seaweed Drying'.

Dualagi pingat emas diperolehi Dr Patricia Matanjun dan Prof Madya Dr Charles Vairappan menerusi produk NaTea - Herbal Tea Mixture of Sabah Green Seaweed Pennywort and Mint' dan 'Degradable Biopolymer from Marine Sponge Bacteria'.

Dr Patricia turut menyumbangkan satu lagi pingat perak menerusi penyelidikan 'Noval

Algea Derived Anti-inflammatory Drug' manakala dua lagi pingat perak disumbangkan oleh Prof Madya Dr Chye Fook Yee .

## **Jana pendapatan**

Sementara itu, Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UMS, Prof Dr Felix Tongkul, berkata sebahagian besar produk itu dalam proses pengkomersialan.

"Ini secara langsung akan menyumbang pendapatan universiti dan penyelidik serta masyarakat setempat.

"Pihak universiti memberi penghargaan kepada penyelidik cemerlang menerusi Anugerah Penyelidikan UMS," katanya.